PENDAKWA RAYA

lwn.

MARIA ABDULLAH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 47-11-91]
6 JANUARI 1995

DADAH BERBAHAYA: *Keterangan pakar - Pendapat pakar bahawa tumbuh-tumbuhan adalah cannabis - Keputusan ujian tidak diberikan semasa pakar memberi keterangan - Kegagalan pakar untuk mengenalpasti dalam batas makna s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mana cannabis itu termasuk - Samada fatal - Samada pendakwa telah membuktikan satu kes prima facie ke peringkat melepasi keraguan yang munasabah.*

[English *Translation of Catchwords]*

DANGEROUS DRUGS: *Expert evidence - Expert's opinion that incriminating plant was cannabis - Test results not provided by expert in his evidence - Expert failing to identify category of cannabis within s. 2 of the Dangerous Drugs Act 1952 - Whether fatal - Whether the prosecution has proved a prima facie case beyond reasonable doubt.*

Tertuduh telah ditangkap oleh sepasukan polis daripada Cawangan Anti Dadah apabila beliau sedang membawa satu plastik yang mengandungi sejumlah 228.19 gram ganja/cannabis, dan beliau kemudiannya dituduh dengan kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya, yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama. Saksi pendakwa (SP5), seorang ahli kimia, memberi keterangan bahawa beliau telah menjalankan pemeriksaan fisikal dan mikroskop 100% dan mendapati bahawa bahan tumbuh-tumbuhan itu adalah daripada jenis dan sifat yang sama. Kemudian beliau telah menjalankan pemeriksaan kimia iaitu Duquenois Levine test dan Thin Layer Chromotography (TLC) test. Daripada keempat-empat cara pemeriksaan itu SP5 memutuskan bahawa tumbuh-tumbuhan itu adalah cannabis seperti yang ditakrifkan dalam s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. Walaubagaimanapun saksi tidak memberitahu Mahkamah keputusan ujian tersebut.

Dua isu yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah adalah samada pihak pendakwa telah membuktikan tuduhan terhadap tertuduh sehingga melebihi keraguan yang munasabah (ujian Khoo Hi Chiang), iaitu samada ahli kimia SP5 telah memberikan keterangan yang secukupnya mengenai pendapatnya sebagai pakar dalam mengenalpasti bahan tumbuh-tumbuhan tersebut melalui satu siri ujian, dan mengenai penafsiran dan definisi perkataan "cannabis" yang terdapat di dalam s. 2 Akta Dadah Berbahaya.

Diputuskan:

[1] Ada dua definisi cannabis menurut s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. Adalah menjadi perkara termesti ahli kimia tersebut memberitahu Mahkamah apa yang dimaksudkan dengan perkataan "cannabis" seperti yang ditakrifkan oleh s. 2 Akta tersebut. SP5 telah memberi keterangan bahawa "cannabis" yang dimaksudkannya adalah seperti yang ditakrifkan oleh s. 2, tetapi dalam batas makna s. 2 yang mana satu tidak dinyatakan.

[2] Keterangan SP5 sebagai ahli kimia adalah tidak memuaskan dan tidak memadai. Sungguhpun SP5 melakukan penganalisaan kimia lebih daripada 10% ke atas bahan-bahan tumbuh-tumbuhan itu, beliau hanya menceritakan mengenai pemeriksaan fisikal dan mikroskop ke atas bahan tumbuh-tumbuhan itu, dan tidak melaporkan sebarang keputusan mengenai ujian kimia, kesudahannya dan keputusan yang didapati daripada ujian tersebut di

dalam keterangannya di Mahkamah. Tiada rekod dibuat mengenai penganalisaan bahan tumbuh-tumbuhan itu.

[3] Keterangan SP5 gagal melepasi ujian Khoo Hi Chiang. Justeru itu, pihak pendakwa gagal membuktikan suatu kes *prima facie* ke atas tertuduh hingga ke peringkat melepasi keraguan munasabah.

[Tertuduh dibebaskan dan dilepaskan tanpa dipanggil untuk membela diri].

Kes-kes yang dirujuk:
Khoo Hi Chiang v. Public Prosecutor & Anor. [1994] 1 MLJ 265 ***(diikuti)***
Munusamy v. PP [1987] 1 MLJ 492 SC ***(diikuti)***
Leong Bon Huat v. Public Prosecutor [1993] 3 MLJ 11 ***(dirujuk)***
Loo Keck Leong v. Public Prosecutor [1992] 2 MLJ 177 ***(dirujuk)***
Law Society of India Petitioner v. Fertilizers & Chemicals Travancore Ltd, & Others, Respondents AIR [1994] Kerala 308 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 2, 39B (1)(a), (2)

Bagi pihak pendakwa raya - Baizura bte Kamal, PPR
Bagi pihak plaintif - Karpal Singh, T/n. Karpal Singh & Co.

PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:

Si tertuduh telah dituduh dengan suatu pertuduhan yang berbunyi:

> Bahawa kamu pada 15 Julai 1990 jam lebih kurang 1.15 pagi bertempat di atas tangga di Tingkat 3, Blok C, Taman Dato Ahmad Razali, di dalam Daerah Ampang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mengedar dadah berbahaya iaitu sejumlah 228.19 gram ganja/ cannabis dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Akta s. 39B(2) Akta yang sama.

Fakta kes adalah si tertuduh telah ditangkap sedang membawa satu beg plastik "Blue Valley" di Tingkat 3, Blok C, Taman Dato Ahmad Razali, Ampang, Selangor, pada 15 Julai 1990 jam lebih kurang 1.15 pagi oleh Inspektor 10023 Musa bin Said (SP6) yang mengetuai sepasukan polis daripada Cawangan Anti Dadah. SP6 seterusnya memberi keterangan bahawa di dalam beg plastik tersebut terdapat sebuah bungkusan akhbar yang mengandungi 10 bungkusan akhbar lagi; di dalam setiap bungkusan itu pula terdapat 4 ikatan dan setiap ikatan mengandungi 25 gulung yang menjadikan jumlah kesemuanya 1,000 gulung yang setelah dianalisis oleh ahli kimia didapati sejumlah 228.19 gram ganja/ cannabis.

Kee Sue Sing (SP5) seorang ahli kimia dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau telah menerima daripada Inspektor Md. Tahir bin Md. Yusof (SP 11) sebuah sampul surat bertanda 'A' yang berisi satu beg plastik dan di dalamnya terdapat satu bungkusan akhbar yang berisi 10 bungkusan kecil akhbar lagi yang masing-masing bertanda Al hingga A10; di dalam setiap bungkusan kecil itu pula terdapat 4 ikatan dengan gelang getah, masing-masing mengandungi 25 gulung. SP5 memberi keterangan bahawa beliau tidak menjalankan pemeriksaan analisis kuantitatif sebab tidak ada pengeluaran resin, akan tetapi telah menjalankan pemeriksaan fisikal dan mikroskop 100% dan mendapati bahawa bahan tumbuh-tumbuhan itu adalah daripada jenis dan sifat yang sama. Kemudian beliau telah menjalankan pemeriksaan kimia iaitu Duquenois Levine Test dan Thin Layer Chromotography (TLC) test. Daripada keempat-empat cara pemeriksaan itu SP5 memutuskan bahawa bahan tumbuh-tumbuhan itu adalah cannabis seperti yang ditakrifkan dalam s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952.

Apabila pihak pendakwa menutup kesnya, Cik Baizura Kamal, Penolong Pendakwa Raya yang bijaksana itu telah menawarkan saksi-saksi lain kepada pihak pembela yang diwakili oleh Peguambela yang bijaksana Encik Karpal Singh. Dalam penghujahannya pada peringkat itu Encik Karpal Singh telah mengutarakan dua isu penting dalam kes ini. Pertama ahli kimia SP5 gagal membuktikan dalam analisisnya bahawa bahan tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam beg plastik "Blue Valley" (P7) itu adalah dadah berbahaya melebihi keraguan yang munasabah seperti yang dikehendaki oleh ujian *prima facie* yang terdapat dalam kes *Khoo Hi Chiang v. Public Prosecutor & Anor* [1994] 1 MLJ 265. Dalam kes itu adalah diputuskan bahawa tugas Mahkamah pada penutup kes pendakwa adalah untuk melakukan bukan hanya suatu penilaian minima terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa untuk menentukan samada keterangan pihak pendakwa itu sememangnya tidak boleh dipercayai, iaitu ujian Haw Tua Tau, tetapi suatu penilaian maksima keterangan itu untuk menentukan samada pihak pendakwa telah membuktikan tuduhan terhadap tertuduh sehingga melebihi keraguan yang munasabah. Isu kedua Encik Karpal Singh telah menyentuh mengenai penafsiran dan definasi perkataan "cannabis" yang terdapat dalam s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. (Akta Tersebut).

Elok rasanya saya memperkatakan mengenai isu kedua itu dahulu. Ungkapan dadah berbahaya (dangerous drug) menurut s. 2 Akta tersebut bermakna sebarang dadah atau benda yang terdapat di dalam Jadual Pertama Akta tersebut dan Jadual Pertama mengandungi 3 bahagian. Bahagian pertama dan kedua menggunakan perkataan "cannabis" dan bahagian ketiga menggunakan perkataan "cannabis (Indian Hemp) and cannabis resin (Resin of Indian Hemp)". Oleh hal yang demikian adalah tertanggung atas bahu si ahli kimia tersebut iaitu SP5 untuk memberitahu Mahkamah apa yang dimaksudkannya dengan perkataan "cannabis" seperti yang ditakrifkan oleh s. 2 Akta tersebut. Ini adalah suatu perkara termesti atau "mandatory", oleh kerana dalam kes jenayah seperti ini dimana Mahkamah tiada mempunyai sebarang budibicara dalam menentukan hukuman dimana OKT yang menghadapi tuduhan di bawah s. 39B Akta tersebut hukumannya adalah hukum mati jika didapati bersalah dan disabitkan. Jadinya ada dua definasi cannabis menurut s. 2 Akta tersebut. Satu bermakna "any part of any plant of the genus cannabis from which there is found to be present resin irrespective of its quality and by whatever means the plant may be designated" dan yang satu lagi adalah yang terdapat dalam bahagian pertama, kedua dan ketiga dalam Jadual Pertama Akta tersebut yang ditakrifkan sebagai 'dangerous drug' sahaja di bawah s. 2 Akta tersebut.

Dapat diperhatikan disini bahawa seseorang Hakim tidak dapat lari daripada fakta bahawa terdapat dua definasi "cannabis" di sini. Adalah menjadi rukun pentafsiran dalam undang-undang keterangan bahawa pentafsiran atau interpretasi yang paling menyebelahinya hendaklah diberikan kepada si tertuduh.

Dalam kes ini SP5 telah memberikan keterangan bahawa 'cannabis' yang dimaksudkannya adalah seperti yang ditakrifkan oleh s. 2 Akta tersebut. Akan tetapi dalam batas makna s. 2 yang mana satu, adakah cannabis yang diberi pengertian secara langsung dalam s. 2 Akta itu atau pun yang diperihalkan secara tidak langsung melalui ungkapan "dangerous drug" dalam s. 2 Akta itu. Dan lagi sekiranya perkataan cannabis yang jatuh di bawah keperihalan secara tidak langsung melalui ungkapan "dangerous drug" adakah cannabis yang dimaksudkan itu termasuk kesemua cannabis dalam bahagian pertama, kedua dan ketiga atau hanya cannabis dalam bahagian pertama dan kedua sahaja. Dalam suasana ketidaktentuan seperti di atas Encik Karpal Singh telah menggesa saya mengikut cara penyelesaian dan keputusan yang dibuat oleh tiga panel Hakim Mahkamah Agung/Persekutuan baru-baru ini iaitu seperti berikut:

1. Rayuan Jenayah M.A, No: 05-151-89 dan 4 kes yang lain di antara *Mohamad Masri bin Othman & 5 yang lain* dan Pendakwa Raya didengar pada 21 Jun 1994 (Ipoh) yang memutuskan bahawa dengan menerimapakai "keputusan (ruling) dalam kes *Leong Bon Huat v. Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 11. "Appeal allowed - Conviction under s. 12(3) DDA substituted - each appellant sentenced to 5 years with effect from date of arrest" (lihat nota perbicaraan Tan Sri Dato' Edgar Joseph Jr).

2. Rayuan Jenayah M.A. No: 05-168-90 yang didengar pada 15 & 16 November 1994 yang memutuskan bahawa, "Sentence under s. 39B is set aside and substituted with a conviction under s. 12(3) punishable under (3) and sentenced to 5 years imprisonment from date of conviction i.e. 15 September 1990" (lihat nota perbicaraan Y.A. Datuk Wira Wan Yahya bin Pawan Teh).

3. Federal Court Criminal Appeal No: 05-167-90 dan No: 05-168-90

Antara

1. Norhayati bte Karim

2. Kamaruddin bin Johari - Appellant

dan

Pendakwa Raya - Respondent

yang memutuskan pada 16 November 1994 bahawa:

> Both appeals allowed. Convictions and sentences under s. 39(B) set aside. We substitute convictions and sentences under s. 12(3) and sentence each to 5 years imprisonment wef 15 September 1990

(lihat nota perbicaraan Datuk Chong Siew Fai bertarikh 16 November 1994).

Dalam kes di hadapan saya sekarang Mahkamah adalah lebih daripada bersedia untuk mengikuti panduan yang ditunjukkan oleh ketiga-tiga kes diatas akan tetapi isu pertama yang dibangkitkan oleh Encik Karpal Singh diatas adalah tunjang penghujahannya yang memerlukan pertimbangan yang masak daripada Mahkamah.

Isu pertama itu adalah berkaitan dengan tugas Mahkamah pada penutup kes pendakwa di mana Mahkamah dikehendaki membuat suatu penilaian maksima keterangan untuk menentukan samada pihak pendakwa telah membuktikan tuduhan terhadap tertuduh sehingga melebihi keraguan yang munasabah iaitu ujian Khoo Hi Chiang dan dalam kes di hadapan saya ini isu tersebut ialah samada ahli kimia iaitu SP5 telah memberikan keterangan yang secukupnya mengenai pendapatnya sebagai pakar dalam mengenalpasti bahan tumbuh-tumbuhan tersebut melalui satu siri ujian. Sebelum ini tugas Mahkamah pada peringkat itu hanyalah suatu penilaian minima sahaja terhadap keterangan tersebut untuk menentukan samada keterangan itu sememangnya tidak boleh dipercayai iaitu ujian Haw Tua Tau. Oleh kerana itu dapat diperhatikan disini bahawa ujian Khoo Hi Chiang itu adalah suatu ujian yang lebih ketat yang memerlukan Mahkamah menimbangkan keterangan pendakwaan itu dengan lebih terperinci lagi. Di sini saya bukannya bermaksud untuk ahli kimia mestilah memberikan keterangan dengan panjang lebar menceritakan butir-butir apa yang dilakukannya di dalam makmalnya satu demi satu. Prinsip yang dijelaskan dalam kes *Munusamy v. PP* [1987] 1 MLJ 492 SC masih lagi terpakai. Dalam kes tersebut Mahkamah telah menghuraikan pendekatan yang patut diambil mengenai keterangan ahli kimia dan memutuskan bahawa:

> We are therefore of the view, that in the type of cases where the opinion of the chemist is confined only to the elementary nature and identity of substance, the Court is entitled to accept the opinion of the expert on its face value, unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion. So long as some credible evidence is given by the chemist to support his opinion, there is no necessity for him to go into details of what he did in the laboratory, step by step".

Mahkamah Agung dalam kes *Khoo Hi Chiang* itu sendiri telah mengesahkan prinsip tersebut dengan menyatakan bahawa:

> On the question of the acceptance of the chemist's evidence on its face value, we see no reason to depart from the decision in *Munusamy v. PP* [1987] 1 MLJ 492 where it was stated that a chemist in drug cases merely reports the result of the chemical examination of the substance.

Inilah yang tidak dilakukan oleh SP5 dalam kes di hadapan saya sekarang. SP5 hanya memberi keterangan:

> I subjected the whole plant material to physical examination followed by microscopic examination, then followed by chemical Duquenois Levine test and thin layer chromatography test. From these I concluded the plant material is cannabis. The physical examination is to show they are of similar nature. Microscopic examination entails the presence of resin of plant material. This shows no extraction of resin. The resin is intact. This is on the physical examination. The Duquenois Levine test and TLC confirm the cannabis resin - they are cannabis. The whole plant material are cannabis as defined under s. 2 of Dangerous Drug Act 1952. I don't do any quantitative analysis.

Dapat diperhatikan bahawa SP5 tidak ada melaporkan keputusan ujian kimia - "Duquenois Levine" dan "TLC" dalam keterangannya di Mahkamah. Beliau hanya menyatakan bahawa melalui ujian-ujian kimia tersebut beliau memutuskan bahawa bahan tumbuh-tumbuhan itu adalah cannabis. Betul SP5 ada memberikan keputusan mengenai pemeriksaan fizikal dan mikroskop dalam jawapannya bila diperiksa balas oleh Cik Baizura Kamal dengan menyatakan:

> The physical examination and microscopic examination are 100%. It was of the same nature and type. From those I take samples of chemical tests. No need for quantitative tests because no extraction of resin.

Selanjutnya apabila disoal lagi oleh Peguambela Encik Karpal Singh melalui Mahkamah SP5 menjawab:

> Every sample of chemical test would be from 0.05 to 0.1 gram. No record was made. From every bundle of 25, I took 4 samples. Therefore 4 x 4 is 16 samples. No specific examination. It is standard procedure.

Maka dapat diperhatikan bahawa SP5 hanya menceritakan mengenai pemeriksaan fizikal dan mikroskop ke atas bahan tumbuh-tumbuhan itu. SP5 melaporkan keputusannya dengan menyatakan, "same nature and type" akan tetapi beliau tidak ada melaporkan sebarang keputusan mengenai ujian kimia; apa kesudahan ujian itu dan apa keputusan yang didapati daripadanya. Apa yang diceritakannya hanyalah beliau telah mengambil sebanyak 0.05 hingga ke 0.1 gram bagi setiap contoh dan daripada setiap ikatan 25 kartus beliau mengambil 4 contoh. Oleh hal yang demikian dapat diperhatikan bahawa beliau telah menjalankan ujian keatas 160 contoh (dalam kes ini terdapat 40 ikatan, setiap ikatan ada 25 kartus iaitu lebih daripada 10% berat bersih bahan itu iaitu 16%. Saya bersedia menerima keterangan SP5 itu "on its face value" dengan memakai ujian Haw Tua Tau - satu penilaian minima keterangan.

Walau bagaimanapun saya tidak dapat berbuat sedemikian sekarang oleh kerana ujian Haw Tua Tau itu tidak dipakai lagi seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Khoo Hi Chiang* bahawa:

> With considerable regrets, therefore we must decline to follow Haw Tua Tau and its progeny Regunathan, Munusamy and Junaidi as to the effect of the relevant statutory provisions of the code to which we have referred and discussed.

(Lihat muka surat 360, baris 1 [1994] 1 AMR 6). Ujian Khoo Hi Chiang menghendaki Mahkamah membuat suatu penilaian maksima keterangan iaitu suatu ujian yang lebih ketat lagi yang memerlukan Mahkamah membuat pertimbangan terperinci. Malangnya dalam kes di hadapan saya ini sungguh pun SP5 melakukan penganalisaan kimia lebih daripada 10% ke atas bahan tumbuh-tumbuhan itu, beliau gagal melaporkan keputusannya. Seperti kes Edgar Joseph Jr. HMA (sekarang dikenali HMP) dalam kes *Leong Bon Huat v. Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 11, 14:

> ... did he resort to the Dequenois Levine test and/or the thin layer chromatography test? If so, what were the results of those tests?.

Kegagalan SP5 melaporkan keputusan ujian kimia itu telah mendatangkan nahas kepada ujian Khoo Hi Chiang tersebut dan kerananya keterangan SP5 tidak membuktikan hingga tidak ada keraguan yang munasabah bahawa bahan tumbuh-tumbuhan itu adalah cannabis menurut makna s. 2 Akta tersebut. SP5 hanya melaporkan bahawa, "from these (iaitu pemeriksaan fizikal, mikroskop dan ujian Duquenois Levine dan TLC) I concluded the plant material is cannabis". SP5 tidak melaporkan keputusan ujian Duquenois Levine dan TLC dan tidak menunjukkan apa kesudahan ujian kimia keatas bahan tumbuh-tumbuhan berkenaan. Malahan SP5 memberi keterangan bahawa pemeriksaan fizikal menunjukkan "... no extraction of resin. The resin is intact". Dalam kes *Loo Keck Leong v. Public Prosecutor* [1992] 2 MLJ 177, 181 Mahkamah Agong memutuskan bahawa:

> The fairer interpretation of the definition clause (relating to cannabis) ought to be that the resin should have been substantially extracted (but not necessarily without a trace in the residue) and not necessarily that the same should have been completely extracted so that the plant material in any particular case for all practical purposes ceases to amount to such a dangerous drug - a harmless substance. In view of the evidence of the chemist we feel that a benefit of doubt as to whether the resin has been so substantially extracted ought to be given to the appellant.

Dalam kes di hadapan saya sekarang keterangan SP5 sebagai ahli kimia adalah tidak memuaskan dan tidak memadai. SP5 tidak melaporkan keputusan ujian kimia yang dijalankannya di makmalnya. Seperti yang diakuinya sendiri malahan "no record was made" mengenai penganalisaan bahan tumbuh-tumbuhan itu. Dalam kes *Law Society of India Petitioner v Fertilizers & Chemicals Travancore Ltd, & Others, Respondents AIR* [1994] Kerala 308, Mahkamah menyatakan:

> On an examination by the Court the materials placed before the Court whether they are by the scientists or by the experts, if the Court finds that the conclusions reached by the experts are unsatisfactory, the Court is not bound to accept the reports saying with folded hands that after all the report is that of a committee of experts and the Court has no expertise on the matter enquired into by the experts. If the Court is not satisfied with the manner of examination or investigation, the Court is not bound to act on the experts' opinion. The Court is not bound to follow blindly the opinion of the experts. It has to be borne in mind when assessing the opinion of experts that "clearly it is not the province of the expert to act as Judge or jury". All questions calling for the opinion of the experts are questions on which the ultimate decision has to be made by the Judge. Expert opinion gets its weight and

authority when the expert puts before the Court all the materials which induce him to come to the conclusion so that the Court, although not an expert, may form its own opinion on those materials. Opinions must be supported by reasons and it is the reason and not blank finding that is important. It must not be lost sight of that experts give evidence and do not decide the issue.

Dalam kes ini keterangan SP5 gagal melepasi ujian Khoo Hi Chiang.

Atas alasan diatas saya memutuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan suatu kes *prima facie* ke atas tertuduh hingga ke peringkat melepasi keraguan yang munasabah. Si tertuduh dibebaskan dan dilepaskan tanpa dipanggil membela diri.